

21/12/1999

Wakil rakyat perlu telus

Dr Mohd Azam Rauzan

PADA 14 Disember lalu, berlangsung upacara mengangkat sumpah anggota Kabinet baru kerajaan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kini sudah pun selesai babak kedua dalam proses sistem demokrasi negara dengan terbentuknya barisan Kabinet di peringkat Persekutuan serta kerajaan negeri di peringkat negeri-negeri.

Maka bermulalah satu lagi babak pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang diberi mandat daripada rakyat Malaysia untuk membawa negara ke mercu kejayaan. Gandingan muka baru dan lama mampu memantapkan lagi jentera kerajaan bagi menghadapi cabaran alaf baru.

Saya tertarik dengan kenyataan Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob yang mengatakan bahawa ahli Exco kerajaan negeri harus bekerja keras dan menunjukkan hasil dalam masa setahun. Jika tidak, mereka berkemungkinan digugurkan.

Begitu juga dengan kenyataan Menteri Besar Perak, Datuk Sri Tajol Rosli Ghazali yang menggalakkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) mengkritik dasar kerajaan.

Saya berasa pendekatan yang pragmatik seperti ini sangat dialu-alukan rakyat yang mahukan ketelusan dan keberkesanan demi kesejahteraan rakyat. Sudah tidak ada tempat untuk wakil rakyat hanya duduk memanas kerusi dewan di alaf baru ini.

Memang inilah yang diharapkan oleh rakyat terhadap semua wakil rakyat yang bergelar YB. Tetapi dalam menghadapi alaf baru, YB juga mempunyai cabaran besar yang harus dipikul untuk melaksanakan janji mereka kepada rakyat.

Bagaimanapun, wakil rakyat adalah manusia biasa. Mereka mempunyai keluarga dan anak isteri serta tanggungjawab peribadi seperti kita semua.

Rakyat ataupun pengundi yang diwakilinya tidaklah boleh menganggap YB adalah segala-galanya sehingga nak beli keperluan peribadi pun berjumpa YB. Ini perkara benar yang berlaku dan saya terpaksa membawa perkara ini dalam penulisan saya kerana saya rasakan agak tidak adil bebanan keperluan perbelanjaan peribadi pun terpaksa ditanggung oleh wakil rakyat setempat.

Harus diingatkan elaun wakil rakyat bukanlah sebanyak mana. Seperkara lagi yang saya ingin utarakan ialah apabila wakil rakyat datang melawat kawasan tiada lain yang diminta kecuali wang dan peruntukan. Tidak hairanlah kadang-kadang YB takut turun padang. Untuk menjaga air muka, YB pula terpaksa berjanji untuk memberi peruntukan yang diminta.

Ini banyak terjadi terutamanya bila tiba musim mesyuarat tahunan persatuan ibu-bapa dan guru di sekolah yang dirasmikan wakil rakyat.

Sebagai langkah pertama selepas selesai pembentukan kerajaan, wakil rakyat haruslah mula turun ke padang dan bertemulah pengundi untuk mengucapkan terima kasih.

Teringat saya satu kisah yang berlaku tempoh hari sewaktu membawa calon bertemu pengundi di sebuah pasar besar. Seorang peniaga ikan agak terlalu gembira melihat bakal wakil rakyat mereka datang lalu mengucapkan terima kasih kepadanya sedangkan beliau belum pun menjadi YB.

Dalam menghadapi alaf baru, wakil rakyat harus mempunyai pendekatan yang baru untuk menghadapi cabaran baru. Selain berbekalkan politik lima I iaitu ilmu, intelektual, ikhlas, istiqamah dan insaf, wakil rakyat mestilah rajin serta senang dihubungi oleh rakyat. Sekurang-kurangnya pejabat wakil rakyat hendaklah diwujudkan. Janganlah pula peruntukan yang diberikan untuk buat pejabat digunakan pula untuk membayar cagaran kereta

baru, telefon bimbit baru dan perkakas rumah baru.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berkhidmat kepada semua wakil rakyat BN yang baru dilantik semoga segala tenaga dan fikiran yang diberikan kepada rakyat akan dapat mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan BN.